

24 MAY 1997

PEMUDA UMNO TAWAR DIRI SEBAGAI PENAJA BERSAMA PROJEK ANTARTIKA

KUALA LUMPUR, 24 Mei (Bernama) -- Pemuda Umno hari ini menyatakan kesediaannya untuk menjadi penaja bersama projek Antartika, ekspedisi penerokaan negara, selepas kejayaan ke puncak Gunung Everest.

Ketua Pemuda Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata selain menjadi penaja, Pemuda Umno juga akan turut menghantar wakilnya bagi menyertai projek itu.

"Selain menjadi penaja bersama, kami juga akan menghantar wakil bagi menyemarakkan lagi semangat serta membuktikan kesungguhan rakyat negara ini dalam menyahut cabaran, kekentalan serta mempunyai daya juang yang tinggi, seperti harapan Perdana Menteri," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini.

"Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai harapan untuk melihat lebih ramai anak bangsa menempa sejarah dunia demi memartabatkan bangsa dan negara," katanya.

Zahid turut mengucapkan tahniah kepada para pendaki negara yang berjaya menawan puncak Everest dan Pemuda akan mengatur sambutan untuk meraikan mereka.

Katanya kejayaan itu merupakan satu catatan sejarah manis yang akan dikenang oleh seluruh rakyat Malaysia dan membuktikan kita berupaya melakukan sesuatu yang dahulunya difikirkan mustahil, dengan semangat 'Malaysia Boleh'. -- BERNAMA

WNZ RON